

**JOINT PRESS RELEASE**

**CITAGLOBAL GENETEC BESS STEPS UP EFFORTS TO ACCELERATE  
RENEWABLE ENERGY ADOPTION WITH MYBESS**

*Citaglobal Genetec BESS affirms commitment to advance Malaysia's journey in renewable energy in  
the presence of King and Queen of Malaysia*

---



**BANGI, 18 MAY 2023** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj graced the **Citaglobal Genetec BESS'** (the "**Company**") festive "Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2023" at the Genetec Technology EPIC Plant ("**Genetec EPIC plant**") today.

Also present were Minister of Investment, Trade and Industry, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, senior officers and representatives of various ministries and government agencies, corporate captains from Malaysia and international companies and members of the media.

The event follows the Company's recent launch of Malaysia's first locally developed and produced Battery Energy Storage System ("**BESS**") at the Genetec EPIC plant on 11 April 2023. During the launch, the Company showcased the fully operational 1MW BESS prototype ("**MYBESS**") that was successfully developed and piloted in December 2022, and currently supports the Genetec EPIC plant's energy needs.

YBhg. Tan Sri Dato' Sri (Dr) Mohamad Norza bin Zakaria, Chairman of the Company said, "Globally, we are seeing a significant shift towards renewable energy ("**RE**"). On our part, Citaglobal Genetec BESS is working hard to support this shift within the region, especially in supporting the nation's energy sufficiency efforts in a sustainable and affordable manner. Malaysia's pledge to commit to achieve net zero carbon by 2050 sets us ahead of our regional peers, and we are the frontliners in this transition. With the launch of MYBESS last month, we have been working hard to engage different stakeholders to build awareness and trust, whilst ensuring continuous innovations and developments to provide a technology and hardware is reliable and sustainable. We hope that the MYBESS end-to-end solution will be able to play a role in supporting our nation's RE and electrification ambitions."

Technology leader in providing full turnkey smart factory automation manufacturing lines, Genetec Technology Berhad's ("**Genetec**") Founder and Managing Director, Chin Kem Weng commented, "We are still in the early stages of commercial and industrial adoption of RE. This is the beginning of our MYBESS journey. As countries and companies step up their efforts to transition towards becoming more sustainable, we want to position MYBESS as the go-to solution to support their business and national needs. Locally, Malaysia is well supported by policies, frameworks, budget commitments and incentives to promote the adoption of clean energy solutions, enabling the shift from fossil-based energy generation. There are many opportunities ahead and we look forward to it."

**Citaglobal Genetec BESS** is the special purpose vehicle formed by **Citaglobal Berhad** and **Genetec** to develop and deliver end-to-end RE solutions for commercial and industrial purpose in support of advancing Malaysia's RE needs and ambitions.

\*\*\*

#### **About Citaglobal Berhad**

Listed on Jan 2, 2008, Citaglobal Berhad is a diversified group with multiple revenue streams. It is currently involved in civil engineering & construction (CEC), oil & gas (OG), power generation, property development and manufacturing.

The CEC segment is primarily involved in infrastructure construction contracts. The OG segment is principally engaged in onshore oil and gas downstream activities, while the manufacturing segment consists of the manufacturing of cold-drawn bright steel products.

The power generation division caters to the niche markets of the O&G industry, sets up and supplies mobile and stationary power generation solutions to utility companies, and supplies SEDA-approved locally assembled Biogas Generators in the Green Energy segment.

As for its development business, the company is involved in construction, property development and property investment.

### **About Genetec Technology Berhad**

Genetec Technology Berhad is a technology leader in providing customised full turnkey smart factory automation manufacturing lines. It is a public company listed on the ACE Market of Bursa Malaysia Securities Berhad (Stock code: 0104) since 2005. Its principal business focus is in the provision of high-quality, responsive and cost-effective designs, as well as the manufacturing of automated industrial systems, equipment and value-added services for our global customers in the Electric Vehicle (EV), Automotive, Hard Disk Drive (HDD), Consumer Goods and Healthcare sectors.

For more information please visit: <https://genetec.net/>

**Issued by: Narro Communications on behalf of Genetec Technology Berhad**

**Date: 18 May 2023**

**For further media enquiries on Citaglobal Berhad, please contact:**

**Anthony Lee**

**Tel:** +6012 338 3705

**Email:** [anthony@leesense.com](mailto:anthony@leesense.com)

**For media enquiries on Genetec Technology Berhad, please contact:**

**Nur Amalia Rosshaimi**

**Tel:** +6017 630 0314

**Email:** [amalia@narrocomms.com](mailto:amalia@narrocomms.com)

**SIARAN AKHBAR BERSAMA**

**Citaglobal Genetec Bess Giatkan Anjakan Tenaga Boleh Diperbaharui dengan MYBESS**

*Citaglobal Genetec BESS menegaskan komitmen untuk memajukan anjakan tenaga boleh diperbaharui bagi Malaysia di hadapan Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong*



**BANGI, 18 MEI 2023** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2023 anjuran **Citaglobal Genetec BESS ("Syarikat")** di Kilang EPIC Genetec Technology ("**kilang Genetec EPIC**") pada hari ini.

Turut hadir bersama ialah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz , pegawai-pegawai kanan daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, barisan pengurusan kanan syarikat dalam dan luar negara serta rakan-rakan media.

Acara tersebut menyusuli pelancaran Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri ("**BESS**") yang pertama seumpamanya dibangunkan dan dihasilkan di Malaysia oleh Syarikat ini, iaitu di kilang Genetec EPIC pada tanggal 11 April 2023. Semasa pelancaran tersebut, Citaglobal Genetec BESS telah mempamerkan prototaip 1MW BESS ("**MYBESS**") yang telah dibangunkan dan dirintis dengan jayanya pada Disember 2022, dan kini sedang memenuhi keperluan tenaga kilang Genetec EPIC.

YBhg. Tan Sri Dato' Sri (Dr) Mohamad Norza bin Zakaria, Pengerusi Citaglobal Genetec BESS dalam ucapannya berkata, "Secara global, kami sedang melihat peralihan yang signifikan ke arah tenaga boleh diperbaharui. Di organisasi kami, kami sedang bekerja keras untuk menyokong peralihan tersebut di rantau ini, terutamanya dalam mendukung usaha kecukupan tenaga negara kita dengan mengetengahkan aspek kelestarian dan faktor mampu milik. Komitmen Malaysia untuk mengecapi aspirasi karbon sifarnya menjelang tahun 2050 meletakkan kita di barisan hadapan berbanding negara-negara jiran dalam anjakan ini. Dengan pelancaran MYBESS pada bulan lalu, kami menjalankan libat urus dengan para pemegang tara bagi membina kesedaran dan keyakinan, sementara memastikan inovasi dan pembangunan diteruskan untuk menyediakan pelbagai teknologi dan perkakasan yang berlandaskan kualiti dan kelestarian. Kami berharap solusi MYBESS yang komprehensif ini akan memainkan peranan dalam mendukung aspirasi pengelektrifikasian tenaga boleh diperbaharui negara kita."

Selaku peneraju teknologi dalam pembekalan solusi pembuatan automasi kilang siap guna yang serba pintar, Pengasas merangkap Pengarah Urusan Genetec Technology Berhad ("**Genetec**"), Chin Kem Weng mengulas, "Kita berada di peringkat awal dalam anjakan tenaga boleh diperbaharui ini bagi arena komersial dan perindustrian. Ini ialah sebuah permulaan bagi MYBESS. Sedang pelbagai negara dan syarikat melebarkan langkah mereka ke arah kelestarian, kami ingin mengetengahkan MYBESS sebagai solusi pilihan bagi mendukung keperluan perniagaan dan negara-negara tersebut. Di peringkat tempatan, Malaysia disokong baik dengan pelbagai dasar, kerangka, komitmen bajet dan insentif bagi menggalakkan penerimgunaan solusi-solusi tenaga bersih, justeru memudahkan peralihan daripada bekalan tenaga yang berasaskan fosil. Terdapat banyak peluang yang terbentang di hadapan kita, dan kami teruja untuk merebut peluang-peluang ini."

**Citaglobal Genetec BESS** merupakan syarikat bertujuan khas yang ditubuhkan oleh **Citaglobal Berhad** dan **Genetec** untuk membangunkan dan membekalkan solusi-solusi komprehensif bagi kegunaan komersial dan perindustrian dalam usaha untuk mendukung keperluan dan aspirasi tenaga boleh diperbaharui Malaysia.

\*\*\*

#### **Tentang Citaglobal Berhad**

Tersenarai pada tanggal 2 Jan 2008, Citaglobal Berhad merupakan sebuah kumpulan syarikat yang ditunjangi pelbagai aliran pendapatan. Ketika ini, ia terlibat dalam bidang kejuruteraan & pembinaan awam (KBA), minyak & gas (MG), penjana kuasa, pembangunan hartanah dan juga pembuatan.

Segmen KBA khususnya terlibat dalam kontrak-kontrak pembinaan infrastruktur. Segmen MG pula memfokuskan kegiatan hiliran minyak dan gas dalam kawasan pesisir, manakala segmen pembuatannya melibatkan pembuatan produk-produk keluli kilat.

Divisyen penjana kuasa memenuhi keperluan pasaran industri M&G yang tertumpu, mendirikan serta membekalkan solusi-solusi penjana kuasa mudah alih dan tetap kepada syarikat utiliti, selain membekalkan Penjana Biogas berkelulusan SEDA yang dipasang secara domestik dalam segmen Tenaga Hijau.

Bagi perniagaan pembangunannya pula, syarikat ini terlibat dalam kegiatan pembinaan, pembangunan hartanah dan pelaburan hartanah.

#### **Tentang Genetec Technology Berhad**

Genetec Technology Berhad merupakan peneraju teknologi dalam kegiatan pembekalan solusi pembuatan automasi kilang siap guna yang serba pintar. Ia merupakan sebuah syarikat awam yang tersenarai di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad (kod saham: 0104) sejak 2005. Tumpuan utama perniagaannya adalah penyediaan reka bentuk yang berkualiti tinggi, responsif dan kos efektif, di samping pembuatan sistem perindustrian berautomat, peralatan dan perkhidmatan tambah nilai bagi pelanggan-pelanggan globalnya dalam sektor Kenderaan Elektrik, Automotif, Pemacu Cakera Keras, Barangan Konsumer dan Kesihatan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://genetec.net/>

**Diwartakan oleh: Narro Communications bagi pihak Genetec Technology Berhad**  
**Tarikh: 18 Mei 2023**

**Untuk pertanyaan media mengenai Citaglobal Berhad, sila hubungi:**

**Anthony Lee**  
**Tel:** +6012 338 3705  
**E-mel:** [anthony@leesense.com](mailto:anthony@leesense.com)

**Untuk pertanyaan media mengenai Genetec Technology Berhad, sila hubungi:**

**Nur Amalia Rosshaimi**  
**Tel:** +6017 630 0314  
**E-mel:** [amalia@narrocomms.com](mailto:amalia@narrocomms.com)